

Malaysia mungkin batal beli jet Russia

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tidak menolak kemungkinan kerajaan membatalkan kontrak pembelian jet pejuang MiG Russia berikutan tindakan ketenteraan oleh negara bekas Soviet itu terhadap wilayah Chechnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ketika ini kerajaan berpendapat belum tiba masanya untuk Malaysia bertindak demikian walaupun berlaku serangan terhadap wilayah pemisah itu.

"Saya fikir belum sampai masanya untuk kita membatalkan pembelian MiG. Mungkin kalau (perlu) satu masa, kita fikir (untuk membatalkannya). Tetapi waktu ini kita belum fikir," katanya.

Dr Mahathir yang berada di sini sejak Sabtu lalu kerana bercuti menjawab soalan pemberita sebelum kembali ke Kuala Lumpur. Beliau diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau diminta mengulas perkembangan terbaru di Chechnya berikutan tindakan Moscow meningkatkan serangan dan bedilan terhadap kubu kuat tentera Chechnya yang dipimpin Presiden Dzhokhar Dudayev.

Menurut Perdana Menteri, pendirian Malaysia itu berasaskan bahawa rakyat Russia sendiri tidak merestui campur tangan tentera negara itu di Chechnya berikutan tindakan wilayah pemisah itu mengisytiharkan kemerdekaan daripada Russia.

Beliau berkata, setakat ini Malaysia sudah memberi reaksi berhubung pendirian kerajaan mengenai pergolakan di Chechnya tetapi tidak ada tindakan diambil.

Serangan terhadap Chechnya dilancarkan oleh tentera Russia sejak dua minggu lalu dan setakat ini, beribu orang awam terbunuh manakala ber-puluh ribu yang lain melarikan diri ke wilayah berhampiran.

Mengenai pembangunan industri perhotelan di Langkawi, Perdana Menteri berpuas hati dengan sambutan sektor swasta terhadap desakan kerajaan untuk membangunkan pulau per-anginan ini.

Menurutnya, tahap pembangunan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan di pulau ini juga baik berikutan langkah kerajaan mewujudkan badan tertentu yang ditugaskan membangunkan pulau ini.

Bagaimanapun katanya, kerajaan tidak bercadang menghentikan pembinaan hotel baru di pulau ini selepas jumlah bilik penginapan yang disediakan mencapai matlamat pada 1996.